

WARANTI TERHAD

Hak Tambahan di Bawah Undang-undang Pengguna. Jika ANDA seorang pengguna ANDA boleh mempunyai hak (statutori) undang-undang yang menjadi tambahan kepada hak yang dinyatakan dalam Waranti Terhad ini (seperti undang-undang pengguna negara tempat ANDA tinggal) (“**Hak Pengguna**”). Waranti Terhad ini menyatakan situasi tertentu yang BlackBerry akan, atau tidak akan, menyediakan remedi untuk Peranti BlackBerry. Waranti Terhad ini tidak mengehadkan atau mengecualikan sebarang Hak Pengguna ANDA yang berkaitan dengan Peranti BlackBerry.

Perlindungan Waranti Pengilang. Waranti Terhad pengilang ini mengemukakan tanggungjawab waranti BlackBerry Limited dan anggota gabungannya (“**BlackBerry**”) berkenaan produk BlackBerry dan aksesori perkakasan berjenama yang dikeluarkan oleh atau bagi pihak BlackBerry (“**Peranti BlackBerry**”). BlackBerry memberi jaminan kepada pembeli pengguna akhir asal Peranti BlackBerry baharu (“**ANDA**”), bahawa Peranti BlackBerry bebas daripada kerosakan bahan dan mutu kerja di bawah penggunaan biasa untuk tempoh yang bermula pada tarikh pembelian asal oleh ANDA dan berterusan untuk tempoh masa yang dinyatakan berikut bagi setiap jenis Peranti BlackBerry yang berkenaan (“**Tempoh Waranti**”). Waranti Terhad ini tidak boleh dipindahkan oleh ANDA.

- (i) Bagi telefon pintar BlackBerry Pegang tangan Tempoh Waranti ialah satu (1) tahun. Sila hubungi peruncit tempat ANDA membeli Peranti BlackBerry untuk mengetahui cara mendapatkan sokongan pelanggan untuk Peranti BlackBerry anda.
- (ii) Bagi telefon pintar BlackBerry Porsche Design Tempoh Waranti ialah dua (2) tahun. Sila hubungi wakil BlackBerry – maklumat hubungan waranti boleh didapati di www.blackberry.com/gettingstarted.
- (iii) Bagi tablet BlackBerry Tempoh Waranti ialah satu (1) tahun. Sila hubungi wakil BlackBerry – maklumat hubungan waranti boleh didapati di www.blackberry.com/playbookwarranty.
- (iv) Bagi aksesori BlackBerry yang termasuk perkakasan dan komponen perisian (contohnya: peranti Bluetooth, pembaca kad pintar dan pembesar suara lekapan visor) Tempoh Waranti ialah satu (1) tahun. Sila hubungi peruncit tempat ANDA membeli Peranti BlackBerry.

Pengecualian kepada Waranti Terhad untuk model Peranti BlackBerry, atau negara tertentu, boleh digunakan – sila rujuk Lampiran 1 Waranti Terhad ini. Bagi Peranti BlackBerry yang dibersihkan oleh atau bagi pihak BlackBerry, baki tempoh waranti (jika ada) digunakan kepada Peranti BlackBerry yang dibersihkan itu.

Semasa Tempoh Waranti, jika Peranti BlackBerry didapati oleh BlackBerry rosak dan dilindungi di bawah Waranti Terhad ini, BlackBerry atas budi bicara mutlaknya:

- (i) membaiki bahagian yang rosak pada Peranti BlackBerry tanpa mengenakan bayaran kepada ANDA untuk bahagian baharu atau yang dibaiki;

(ii) menggantikan Peranti BlackBerry yang rosak tanpa mengenakan bayaran kepada ANDA untuk produk baharu atau dibersihkan yang setara; atau

(iii) jika BlackBerry tidak dapat membaiki atau menggantikan Peranti BlackBerry seperti dinyatakan di bawah (i) atau (ii), memulangkan kepada ANDA harga pembelian bersih yang ANDA bayar untuk Peranti BlackBerry.

Jika Peranti BlackBerry dibaiki atau digantikan oleh atau bagi pihak BlackBerry semasa Tempoh Waranti, Tempoh Waranti untuk Peranti BlackBerry yang dibaiki atau digantikan akan tamat pada tarikh luput Tempoh Waranti asal (kecuali sehingga tahap BlackBerry diminta secara jelas menurut undang-undang untuk memberi ANDA Tempoh Waranti yang lebih lama untuk Peranti BlackBerry yang dibaiki atau digantikan. Sebarang perkhidmatan atau sokongan waranti yang disediakan oleh atau bagi pihak BlackBerry di bawah Waranti Terhad ini adalah bergantung kepada pengembalian Peranti BlackBerry ANDA kepada pembekal perkhidmatan BlackBerry yang dibenarkan (seperti yang dinyatakan di bawah "Cara Mengembalikan Peranti BlackBerry Anda"). Apabila ANDA mengembalikan Peranti BlackBerry di bawah Waranti Terhad ini dan menerima gantian Peranti BlackBerry, item yang ANDA kembalikan menjadi hak milik BlackBerry dan item ganti menjadi milik ANDA. Apabila pemulangan wang diberikan di bawah Waranti Terhad ini, ANDA akan mengembalikan Peranti BlackBerry kepada BlackBerry dan Peranti BlackBerry yang dikembalikan menjadi hak milik BlackBerry.

Pengecualian dan Had Waranti. Waranti Terhad ini tidak terpakai (seperti yang ditetapkan oleh BlackBerry):

(i) kepada bahagian guna habis Peranti BlackBerry, seperti bateri dan lapisan perlindungan yang direka untuk menjadi berkurangan lama kelamaan, kecuali kerosakan disebabkan oleh kecacatan dalam bahan atau mutu kerja;

(ii) kepada haus dan lusuh normal Peranti BlackBerry;

(iii) jika Peranti BlackBerry dibuka, diubah suai atau dibaiki oleh seseorang yang tidak diberi kuasa oleh BlackBerry;

(iv) jika nombor siri BlackBerry, nombor IMEI atau pengecam lain Peranti telah dirosakkan atau dipadamkan;

(v) jika Peranti BlackBerry rosak, malfungsi atau kecacatan disebabkan oleh dan/atau terhasil daripada:

(a) salah guna, lembapan atau cecair, terletak berdekatan atau terdedah kepada haba, kemalangan, penyalahgunaan, kecuaian atau salah pakai;

(b) penggunaan Peranti BlackBerry bersama aksesori, produk, perkhidmatan, perisian, aplikasi atau peralatan sampingan atau kurang penting tidak diluluskan atau diberikan secara jelas oleh BlackBerry khusus untuk digunakan dengan model Peranti BlackBerry ANDA;

(c) apa-apa yang bukan disebabkan oleh Peranti BlackBerry sendiri; atau

- (d) pengendalian atau penggunaan Peranti BlackBerry di luar panduan pemasangan yang berkenaan atau dokumentasi pengguna akhir standard yang disediakan dan dibekalkan oleh BlackBerry, termasuk sebarang arahan keselamatan dan pengendalian yang tersedia di <http://docs.blackberry.com>, atau Perjanjian Lesen Penyelesaian BlackBerry yang tersedia di <http://us.blackberry.com/legal/bbsla.jsp>;
- (vi) kepada kerosakan terhadap permukaan Peranti BlackBerry, termasuk tetapi tidak terhad kepada rekahan, kemek atau calar;
- (vii) sebarang peralatan, tablet atau perkakasan lain selain daripada Peranti BlackBerry seperti dinyatakan dalam Waranti Terhad ini – contohnya, tidak dikenakan kepada sebarang kad SIM luar yang diberikan bersama pembelian ANDA atau apa-apa yang tidak BlackBerry dijenamakan dan dikeluarkan oleh atau bagi pihak BlackBerry; atau
- (viii) jika ANDA tidak dapat memberikan bukti pembelian menunjukkan yang ANDA adalah pembeli asal Peranti BlackBerry dan tarikh serta tempat pembelian asal.

Waranti Terhad ini adalah waranti perkakasan sahaja yang terhad kepada Peranti BlackBerry dan tidak merangkumi sebarang perisian yang dihantar, dipramuat atau diedarkan oleh BlackBerry atau mana-mana pihak ketiga, walaupun jika perisian itu dibungkus atau dijual bersama Peranti BlackBerry, atau tersedia untuk Peranti BlackBerry kemudiannya. Perjanjian lesen perisian terpakai kepada penggunaan ANDA atas perisian yang dikaitkan dengan Peranti BlackBerry. Lesen perisian untuk perisian proprietari BlackBerry yang dihantar bersama Peranti BlackBerry diterangkan dalam perjanjian lesen perisian BlackBerry yang berkaitan.

Sandarkan Data Anda. ANDA harus secara tetap membuat sandaran data BlackBerry, perisian, aplikasi dan maklumat Peranti ANDA sebagai perlindungan terhadap masalah pengendalian yang mungkin berlaku termasuk sebelum mengembalikan Peranti BlackBerry. Sandaran data adalah tanggungjawab ANDA dan bukannya tanggungjawab BlackBerry, peruncit tempat ANDA membeli Peranti BlackBerry, atau pembekal perkhidmatan yang sah tempat ANDA menerima servis, membaiki atau menggantikan Peranti BlackBerry termasuk, tanpa penghadan, kehilangan atau kerosakan data melalui penggunaan perisian penyegerakan. **SILA PADAMKAN SEBARANG PERIFERAL ATAU MEMORI DAN/ATAU SEBARANG MAKLUMAT PERIBADI ATAU SULIT SEBELUM MENGEMBALIKAN PERANTI BLACKBERRY ANDA. SEMASA SERVIS, PEMBAIKAN ATAU PENGGANTIAN KANDUNGAN PADA PERANTI BLACKBERRY ANDA MUNGKIN DIPADAMKAN DAN/ATAU DIFORMAT SEMULA ATAU DIKONFIGURASI KEPADA KEADAAN ASAL SEMASA PEMBELIAN (TERTAKLUK KEPADA KEMAS KINI DAN NAIK TARAF SEMASA PERISIAN, YANG TERTAKLUK KEPADA PERJANJIAN LESEN PERISIAN PENYELESAIAN BLACKBERRY) DAN SEBARANG PERIFERAL ATAU MEMORI YANG DIPADAMKAN DAN TIDAK DIKEMBALIKAN KEPADA ANDA.** Untuk kejelasan, Waranti Terhad ini tidak merangkumi sandaran, pemulihan atau pemasangan semula data, perisian atau aplikasi ANDA ke Peranti BlackBerry.

Cara untuk Mengembalikan Peranti BlackBerry Anda. Waranti Terhad ini diberikan kepada ANDA oleh BlackBerry Limited. Untuk menentukan sama ada Peranti BlackBerry ANDA memerlukan

perkhidmatan waranti dan untuk menerima arahan tentang cara mengembalikan Peranti BlackBerry ANDA, sila hubungi Hubungan Waranti yang berkenaan bagi Peranti BlackBerry tertentu yang diterangkan dalam jadual di bawah Perlindungan Waranti Pengeluar di atas.

Semasa menghubungi BlackBerry atau pembekal perkhidmatan BlackBerry yang sah melalui telefon caj mungkin dikenakan. ANDA mungkin diminta untuk membantu dalam mendiagnosis sebarang masalah dengan Peranti BlackBerry ANDA dan/atau menyediakan bukti pembelian menunjukkan bahawa ANDA adalah pembeli asal Peranti BlackBerry dan tarikh serta tempat pembelian asal. Pilihan perkhidmatan waranti, masa menjawab dan caj (jika berkenaan) mungkin berbeza mengikut negara. **JIKA PERANTI BLACKBERRY ANDA DIKEMBALIKAN SEMASA TEMPOH WARANTI, TETAPI PERANTI BLACKBERRY ANDA TIDAK DILINDUNGI DI BAWAH WARANTI TERHAD INI, SYARAT DAN CAJ BOLEH DIKENAKAN UNTUK SEBARANG PEMBAIKAN ATAU PEMPROSESAN YANG DILAKUKAN.** JIKA ANDA TIDAK TINGGAL DI NEGARA TEMPAT PERANTI BLACKBERRY ASALNYA DIJUAL KEPADA ANDA MAKA:

- (A) PEMBAIKAN ATAU PERKHIDMATAN WARANTI MUNGKIN TIDAK BOLEH DIBUAT;
- (B) ANDA MUNGKIN DIMINTA MENERIMA SYARAT DAN/ATAU MEMBAYAR KOS TERTENTU (TERMASUK, TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA, KOS PENGHANTARAN DAN PENGENDALIAN); DAN
- (C) PEMBAIKAN DAN SERVIS WARANTI, JIKA BOLEH DIBUAT, MUNGKIN MENGAMBIL MASA LEBIH LAMA DARI BIASA UNTUK DISELESAIKAN.

Remedi Eksklusif. KECUALI SETAKAT YANG BLACKBERRY DILARANG SECARA JELAS OLEH UNDANG-UNDANG (TERMASUK JIKA ANDA MEMPUNYAI HAK PENGGUNA SELAIN DARIPADA WARANTI TERHAD INI) DARIPADA MENGEHADKAN ATAU MENGECAULIKAN REMEDI ANDA BERKAITAN DENGAN PERANTI BLACKBERRY ANDA, WARANTI TERHAD INI MENETAPKAN REMEDI ESKLUSIF ANDA UNTUK PERANTI BLACKBERRY ANDA DAN SEBARANG WARANTI, SYARAT, REPRESENTASI ATAU JAMINAN APA-APA JENIS, SAMA ADA SECARA JELAS ATAU TERSIRAT, TERMASUK TETAPI TIDAK TERHAD KEPADA WARANTI KEBOLEHDAGANGAN YANG TERSIRAT, KUALITI YANG MEMUASKAN DAN/ATAU KESESUAIAN UNTUK TUJUAN TERTENTU DENGAN INI DINAFIKAN DAN TIDAK AKAN DIGUNA PAKAI ATAU MEMPUNYAI SEBARANG KESAN.

Pengehadan Liabiliti. KECUALI SETAKAT YANG BLACKBERRY DILARANG SECARA JELAS OLEH UNDANG-UNDANG (TERMASUK JIKA ANDA MEMPUNYAI HAK PENGGUNA SELAIN DARIPADA WARANTI TERHAD INI) ATAU JIKA NEGARA, NEGERI ATAU DAERAH YANG ANDA TINGGAL TIDAK MEMBENARKAN PENGECAULIAN ATAU PENGEHADAN KEROSAKAN SAMPINGAN ATAU TURUTAN, BLACKBERRY ATAU SESIAPA YANG BERTINDAK BAGI PIHAK ATAU BERSAMA BLACKBERRY (TERMASUK, TANPA PENGEHADAN, YANG BERKAITAN DENGAN PENGETAHUAN, BEKALAN, PENGEDARAN, JUALAN, PEMBAIKAN ATAU PENGEMBALIAN PERANTI BLACKBERRY) TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB UNTUK SEBARANG BENTUK KERUGIAN ATAU KEROSAKAN SECARA TIDAK LANGSUNG, SAMPINGAN, KHAS ATAU TURUTAN

(TERMASUK, TANPA PENGEHADAN, KEROSAKAN UNTUK KERUGIAN UNTUNG, GANGGUAN PERNIAGAAN, KEHILANGAN ATAU KEROSAKAN MAKLUMAT (TERMASUK DATA) ATAU KERUGIAN KEWANGAN LAIN) YANG TIMBUL DARIPADA PENGGUNAAN ATAU KETIDAKUPAYAAN MENGGUNAKAN PERANTI BLACKBERRY, WALAUPUN JIKA BLACKBERRY ATAU SESIAPA YANG BERTINDAK BAGI PIHAK ATAU BERSAMA BLACKBERRY TELAH DINASIHATKAN MENGENAI KEMUNGKINAN KEROSAKAN YANG SEDEMIKIAN. PENGEHADAN INI ADALAH UNTUK DIGUNAKAN DAN AKAN DIGUNAKAN TANPA MENGAMBIL KIRA SAMA ADA KEROSAKAN DEMIKIAN DIDAKWA, DITEGASKAN ATAU DIBAWA DALAM TINDAKAN ATAU TUNTUTAN DALAM TORT, KONTRAK, PADA WARANTI, ATAU DI BAWAH SEBARANG TEORI UNDANG-UNDANG YANG LAIN. LIABILITI BLACKBERRY DAN SESIAPA YANG BERTINDAK BAGI PIHAK ATAU BERSAMA BLACKBERRY KEPADA ANDA UNTUK KERUGIAN ATAU KEROSAKAN YANG BERLAKU DI BAWAH WARANTI TERHADINI TIDAK BOLEH MELEBIHI AGREGAT HARGA PEMBELIAN BERSIH YANG ANDA BAYAR UNTUK PERANTI BLACKBERRY ATAU KOS Menggantikan PERANTI BLACKBERRY YANG TERJEJAS, YANG MANA LEBIH BESAR. Yang di atas tidak akan dalam apa jua cara menyekat sebarang liabiliti yang berkaitan dengan kematian atau kecederaan fizikal atau liabiliti statutori untuk tindakan atau pengabaian secara sengaja atau melampau.

Undang-undang yang Mentadbir UNDANG-UNDANG NEGARA, NEGERI, DAERAH ATAU BIDANG KUASA SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM PERENGGANINI AKAN MENTADBIR:

(A) WARANTI TERHADINI DAN PENTAFSIRANNYA, SEBARANG PELANGGARAN DAN KESAHAN WARANTI TERHADINI, DAN

(B) SEBARANG TUNTUTAN, PERTIKAIAN ATAU KONTROVERSI (SAMA ADA DALAM KONTRAK, TORT ATAU YANG LAIN, SAMA YANG PRAWUJUD, SEDIA ADA ATAU AKAN DATANG, DAN TERMASUK STATUTORI, COMMON LAW DAN TUNTUTAN SAKSAMADI ANTARA ANDA DAN BLACKBERRY YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN WARANTI TERHADINI.

UNDANG-UNDANG NEGARA YANG DIGUNAKAN SEPERTI YANG DINYATAKAN DALAM JADUAL DI BAWAH AKAN DILAKSANAKAN BERGANTUNG KEPADA TEMPAT ANDA BERMASTAUTIN DAN TIDAK TERMASUK MANA-MANA BADAN UNDANG-UNDANG YANG MENGURUSKAN KONFLIK PERUNDANGAN.

PENYELESAIAN/TIMBANG TARA PERTIKAIAN SEBARANG PERTELINGKAHAN ATAU PERTIKAIAN YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN WARANTI TERHADINI AKAN DISELESAIKAN OLEH TIMBANG TARA AKHIR DAN MUTLAK MENURUT PERATURAN TIMBANG TARA DALAM JADUAL DI BAWAH BERDASARKAN TEMPAT ANDA BERMASTAUTIN: (I) TEMPAT TIMBANG TARA AKAN MENJADI LOKASI TIMBANG TARA DAN TIMBANG TARA AKAN DIJALANKAN DALAM BAHASA INGGERIS; (II) BILANGAN PENIMBANG TARA MESTILAH SATU (1); DAN (III) PENIMBANG TARA MESTILAH DILANTIK SELARAS DENGAN PERATURAN TIMBANG TARA YANG BERKENAAN. SEBARANG HAL YANG BERKAITAN DENGAN MANA-MANA TIMBANG TARA DI BAWAH WARANTI TERHADINI AKAN DIGUNAKAN SEPENUHNYA KE TAHAP MAKSIMUM YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG. TIADA PERTIKAIAN ANTARA PIHAK, ATAU

MELIBATKAN ORANG LAIN SELAIN ANDA, BOLEH DIMASUKKAN ATAU DIGABUNGKAN
BERSAMA, TANPA KEBENARAN BERTULIS AWAL DARI BLACKBERRY.

Jika ANDA bermastautin di Eropah, Timur Tengah atau Afrika, Waranti Terhad ini akan ditadbir oleh undang-undang England dan Wales serta Anda bersetuju dengan timbang tara yang terletak di London, England menurut Peraturan Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London. Jika ANDA bermastautin di Asia, Waranti Terhad ini akan ditadbir oleh undang-undang New York dan Anda bersetuju menerima timbang tara yang terletak di New York, AS, menurut Peraturan Mahkamah Timbang Tara Antarabangsa London. Jika ANDA bermastautin di Amerika Utara atau Amerika Selatan, Waranti Terhad ini akan ditadbir oleh undang-undang New York dan Anda bersetuju menerima timbang tara yang terletak di New York, AS, menurut Peraturan Timbang Tara Komersil, Persatuan Timbang Tara Amerika.

Privasi. Maklumat pelanggan yang diterima oleh BlackBerry akan digunakan, diproses, dipindahkan dan didedahkan menurut Dasar Privasi BlackBerry (tersedia di <http://www.blackberry.com/legal/privacy.shtml>) untuk melaksanakan perkhidmatan waranti yang diterangkan dalam Waranti Terhad ini. Ini mungkin termasuk mendapatkan maklumat ANDA dan Peranti BlackBerry daripada pembekal perkhidmatan, peruncit, penjual semula dan pengedar yang terlibat dalam rantai jagaan Peranti BlackBerry yang digunakan untuk melaksanakan perkhidmatan waranti serta memindahkan maklumat ANDA dan Peranti BlackBerry ke anak syarikat BlackBerry atau anggota gabungan atau pembekal perkhidmatan BlackBerry.

Rampaian. Jika terdapat sebarang konflik antara Waranti Terhad ini dan sebarang waranti lain yang diberikan kepada ANDA termasuk, tanpa pengehadan, dalam bungkusan Peranti BlackBerry, peruntukan Waranti Terhad ini akan digunakan oleh BlackBerry hingga ke takat konflik yang sedemikian. Jika sebarang syarat, peruntukan atau subbahagian Waranti Terhad ini dinyatakan terbatal, tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, kesahan atau kebolehkuatkuasaan baki syarat, peruntukan atau subbahagian yang sedemikian serta Waranti Terhad ini tidak akan terjejas.